


Padah jual pelitup muka mahal, peniaga dikompaun RM2,000

Jun 2, 2020 Ditulis oleh Media Baharu



IPOH, 2 Jun - Sebuah premis perniagaan di Ipoh, Perak dikenakan kompaun serta merta.

Tindakan itu dibuat selepas mendapat premis berkenaan menjual pelitup muka jenis N95 pada harga melebihi harga kawalan yang ditetapkan.

Ketua Pegawai Penguat Kuasa Negeri Pejabat Kementerian Perdagangan Dalam Negeri dan Hal Ehwal Pengguna (KPDNHEP) Perak, V. Ravichandran berkata, pemeriksaan mendapat premis itu menjual pelitup muka jenis N95 pada harga RM 14 seunit berbanding harga RM6 seperti yang ditetapkan oleh kerajaan.

Ia adalah hasil pemeriksaan sepasukan empat pegawai Kementerian Perdagangan Dalam Negeri dan Hal Ehwal Pengguna, (KPDNHEP) Perak selepas menerima aduan daripada orang awam.

Peniaga tersebut dikenakan kompaun sebanyak RM2,000 kerana gagal mematuhi dan melanggar Seksyen 11 Akta Kawalan Harga dan Anti-Pencatutan 2011.

<https://berita.rtm.gov.my/index.php/jenayah/18795-padah-jual-pelitup-muka-mahal-peniaga-dikompaun-rm2-000>